

SOALAN NO: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [Lenggong]**

TARIKH : 15 MAC 2018

SOALAN : 21

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu pemberian paket minuman percuma yang berkemungkinan mengandungi bahan asing disyaki dadah yang tular baru-baru ini serta kebimbangan ia boleh mengakibatkan 'panic attack' di kalangan masyarakat.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Untuk itu, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sentiasa memantau produk makanan yang ada di pasaran untuk memastikan produk makanan tersebut adalah selamat dan dikeluarkan oleh premis pemprosesan yang mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Peraturan 9 di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 mewajibkan semua premis pemprosesan makanan melaksanakan program jaminan

keselamatan makanan untuk memastikan produk makanan yang dikeluarkan oleh premis tersebut adalah selamat.

Selain daripada itu, di bawah subseksyen 13(1), Akta Makanan 1983, mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM 100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada kes yang tular baru-baru ini iaitu kopi pracampur yang disyaki mengandungi dadah di Pulau Pinang, hasil verifikasi oleh Kementerian Kesihatan di kilang pengeluaran produk tersebut mendapati kilang berkenaan mempunyai program jaminan keselamatan makanan. Di samping itu, hasil analisis mengesahkan produk kopi yang dihasilkan oleh kilang tersebut tidak mengandungi bahan yang dilarang di bawah Akta Makanan 1983.

Selain itu, pemerhatian Kementerian Kesihatan menunjukkan terdapat kesan bahagian bawah bungkusan kopi berkenaan yang telah dibuka dan ditampal semula serta terdapat perbezaan berat bungkusan dan warna kopi dengan produk asal.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah menyerahkan kes tersebut kepada pihak polis kerana disyaki terdapat unsur jenayah dalam kes berkenaan.

Kementerian Kesihatan sedang meningkatkan pemantauan ke atas produk kopi pracampur di pasaran dan sekiranya didapati tidak mematuhi Akta Makanan 1983, tindakan penguatkuasaan akan diambil. Hasil pemantauan Kementerian Kesihatan pada tahun 2017, sebanyak 108 sampel kopi pracampur pelbagai jenis telah diambil di pasaran untuk analisa racun berjadual seperti sildenafil, tadalafil dan vardenafil dan kesemuanya didapati mematuhi Akta Makanan 1983.

Sehubungan itu, orang ramai tidak perlu bimbang kerana isu ini adalah terkawal.